

# Malaysia sedia draf resolusi PBB singkir keanggotaan Israel

Cadangan jika dapat kelulusan bolehkan UNRWA terus beri khidmat di Palestin

Oleh Suzalina Halid dan Latifah Arifin  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Malaysia sudah menyediakan satu draf resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang antara lain mencadangkan agar Israel disingkir sebagai anggota pertubuhan itu sekiranya berlaku pelanggaran undang-undang, hukum dan keputusan dalam isu membabitkan Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika sesi penerangan di Dewan Rakyat semalam, berkata draf resolusi itu sedang dalam proses rundingan dan dijangka dibentangkan di Perhimpunan Agung PBB untuk kelulusan dalam masa terdekat.

"Pada 31 Oktober lalu, Malaysia menyertai Kumpulan Teras (Core Group) bagi penyediaan satu draf resolusi Perhimpunan Agung PBB memohon Pendapat Nasihat (Advisory Opinion) Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) mengenai obligasi Israel dalam membenarkan aktiviti dan kehadiran PBB.

"Ia juga termasuk agensi di bawah PBB, organisasi antarabangsa dan negara ketiga di Wilayah Pendudukan Palestin (OPT), yang dilaksanakan dengan persetujuan kerajaan Palestin untuk manfaat orang awam Palestin di wilayah itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila diluluskan kelak, resolusi itu dijangka menjadi landasan perundangan bagi membolehkan Agensi Bantuan dan Kerja untuk Pelarian Palestin di Asia Barat (UNRWA) terus memberikan khidmat mereka.

"UNRWA kini memberikan khidmat asas seperti pendidikan, perawatan kesihatan dan bantuan kemanusiaan, yang memberikan faedah kepada lebih enam juta pelarian Palestin di Gaza, Tebing Barat, Jordan, Lubnan dan Syria.

Perdana Menteri berkata, sudah setahun Israel melaksanakan genosid di bumi Gaza dan sehingga 1 November lalu, konflik di wilayah itu mengorbankan 43,204 rakyat Palestin, termasuk 16,500 kanak-kanak.

"Seramai 101,641 rakyat Palestin pula dilaporkan cedera, manakala 11,000 orang lagi dilaporkan hilang. Secara purata, 118 rakyat Palestin terkorban dan 277 lagi cedera setiap hari sejak Oktober 2023.

"Situasi di Gaza malangnya terus meruncing dan seperti saya tegaskan kerana keganasan itu tanpa henti *with impunity*, dengan izin dan dengan dukungan langsung dan tidak langsung dari negara sekutu Israel," katanya.

## Malaysia sokong UNRWA

Sementara itu menjawab soalan Syed Ibrahim Syed Noh (PH-Ledang) dan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PN-Sik) berhubung sokongan kepada UNRWA, Anwar berkata, Malaysia akan terus menyatakan sokongan kepada agensi berkenaan, termasuk dalam aspek bantuan tunai.

"Dukungan kemanusiaan dari segi bantuan wang tunai itu, lebih RM100 juta dimaklumkan sebelum ini, atau usaha

Menteri Pertahanan (Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin), Menteri Luar (Datuk Seri Mohamad Hasan), kita telah bawa pesakit parah, anak-anak terutama dari Gaza untuk dirawat di hospital tentera dan ini akan diteruskan.

"Khusus untuk UNRWA setakat ini dana yang diperuntukkan dan diserahkan kepada UNRWA adalah RM25 juta dan kita sedang berbincang bawah Kementerian Luar dan UNRWA untuk melihat keperluan penyeragaman," katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan, Malaysia tidak boleh melaksanakan tindakan yang retorik membabitkan isu kekejaman Israel ke atas Palestin, semata-mata hanya untuk menarik perhatian orang ramai, sebaliknya sebarang pendirian yang diambil perlu konsisten.

Katanya, pendirian Malaysia sudah cukup tegas termasuk isu membabitkan syarikat Israel, malah tidak banyak negara di luar mengambil keputusan seperti mana dilaksanakannya.

"Jangan gesa kita buat lebih daripada itu... semasa rakan mereka (Perikatan Nasional), mereka tidak lakukan begitu malah, mengizinkan kapal Israel Zim (Zim Integrated Shipping Services) berlabuh di Malaysia... kita tidak izinkan.

"Ada puluhan dan ratusan syarikat yang ada kerjasama dagangan dengan Israel di semua negara termasuk Malaysia dan di negeri diperintah pembangkang," katanya.

Terdahulu, Ahmad Tarmizi menggesa kerajaan menyemak semula penjualan saham Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) kepada BlackRock yang dikaitkan menguasai saham sebuah syarikat pembekalan senjata terbesar kepada Israel, Lockheed Martin.